

## **IKLAN JAWATAN KETUA PUSTAKAWAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS) sebuah Universiti Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa Pegawai dari Kumpulan Pengurusan & Profesional (Pentadbiran) Universiti Malaysia Sabah (Gred 13 dan ke atas) untuk mengisi jawatan berikut:

### **1.0 BUTIRAN JAWATAN**

- 1.1 Jawatan : Ketua Pustakawan
- 1.2 Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Tertinggi
- 1.3 Gred : Mengikut gred hakiki penyandang yang dilantik
- 1.4 Imbuhan : Imbuhan adalah mengikut keputusan Lembaga Pengarah Universiti.
- 1.5 Taraf Lantikan : Pertukaran Sementara
- 1.6 Tempoh Lantikan : Tidak melebihi tiga (3) tahun bagi setiap tempoh lantikan (tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti)
- 1.7 Kelayakan :
  - a) Pegawai dari Kumpulan Pengurusan & Profesional (Pentadbiran) Gred 13 dan ke atas.
  - b) Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian Sains Pengajian Maklumat (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat atau Pengurusan Pusat Sumber Maklumat)/ Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Perpustakaan/ Ijazah Sains Perpustakaan dan Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

## 2.0 KRITERIA PEMILIHAN

Kriteria bagi seorang calon adalah berdasarkan kepada Kaedah Pelantikan Jawatan Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang yang diluluskan dalam Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Universiti (LPU) seperti berikut:

### 2.1 **Memimpin dan Mengurus**

Mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, menggerakkan pasukan, mempunyai gagasan, visi dan misi jelas serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke aras budaya kecemerlangan.

### 2.2 **Reputasi**

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati masyarakat di dalam dan di luar kampus.

### 2.3 **Personaliti**

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, berpandangan jauh, pemikiran yang rasional, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

### 2.4 **Proaktif**

Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi, konstruktif, saintifik, progresif, inovatif, kritikal, global serta analitikal.

### 2.5 **Komunikasi**

Memiliki kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap.

### 2.6 **Dinamik**

Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara.

### 2.7 **Pengurusan Konflik**

Berkeupayaan mengenal pasti konflik dan menguruskan dengan baik dan berhemah.

### 2.8 **Potensi**

Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan universiti dan Pendidikan Tinggi Negara secara keseluruhan.

### 2.9 **Jati Diri**

Mempunyai sifat jati diri dan patriotik, beretika, berintegriti dan berakhlak mulia.

### 2.10 **Adaptasi Teknologi**

Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran di zaman digital, membawa UMS ke arah kejayaan di zaman digital.

2.11 Disahkan sihat oleh Pengamal Perubatan Berdaftar.

### 3.0 CARA MEMOHON

3.1 Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:

- a) Surat permohonan rasmi;
- b) *Curriculum Vitae*' (CV) yang lengkap berserta gambar berukuran pasport serta mengandungi maklumat-maklumat seperti latar belakang calon dan keluarga, latar belakang pendidikan calon, anugerah dan hadiah yang diterima di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta lain-lain sumbangan.
- c) *Key Performance Indicator* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik Ketua Pustakawan UMS; dan
- d) Dokumen sokongan yang lain.

3.2 Sebarang pertanyaan sila hubungi:

**Encik Azmi Jumat**

Pengarah

Bahagian Pentadbiran dan Governan

Jabatan Pendaftar

Universiti Malaysia Sabah

No. Tel.: 088-320 000 (No. Samb. 100579)

E-mel : [upappu@ums.edu.my](mailto:upappu@ums.edu.my)

3.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**PENDAFTAR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
ARAS 4, BLOK SELATAN, BANGUNAN CANSELORI  
JALAN UMS  
88400 KOTA KINABALU  
SABAH**

3.4 Hanya calon yang melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temu bual.

3.5 **Tarikh tutup permohonan ialah pada 09 Mei 2025 (Jumaat).**